

14/08/1998

Kerajaan sedia kaji akta muzik

Faizal Fadzil; Azian Adnan

KERAJAAN sedia mengkaji saranan Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penulis Tanah Air (Papita) untuk mewujudkan Akta Muzik Nasional dan meletakkan industri muzik di bawah satu kementerian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, berkata kerajaan bagaimanapun mahu Papita menghantar memorandum untuk kedua-dua cadangan itu bagi membolehkan kajian mengenainya dibuat.

"Jika Papita benar-benar serius, mereka boleh kemukakan memorandum kepada kerajaan dan kami akan mengkaji perkara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Papita/MPSJ '98, Selamatkan Ringgit Malaysia di Subang Jaya, Selangor, semalam.

Pada ucapan pelancarannya, Perdana Menteri menyatakan pertimbangan kerajaan kepada permintaan Papita itu bukan bermakna ia satu kelulusan.

"Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada segala permintaan yang dikemukakan Papita. Bagaimanapun, permintaan itu tidak bermakna satu kelulusan. Kita akan mengkaji secara mendalam dan tindakan yang akan diambil tidak hanya berpandu kepada pendapat presiden Papita saja," katanya.

Mengenai ekspo yang buat pertama kali diadakan Papita, Perdana Menteri berkata semua pihak harus menghargai langkah yang dibuat oleh persatuan itu.

"Kita harus memberi penghargaan bagi mereka yang sudi membantu kerajaan dalam mempromosikan barangan buatan Malaysia.

"Selain itu, pengiktirafan juga harus diberi kepada golongan ini yang saya gelar 3P iaitu penyanyi, pemuzik dan penulis kerana tanpa mereka hidup kita akan kosong. Oleh itu, mereka memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat dan pembangunan negara.

"Saya berharap, Papita akan melaksanakan program yang sama mungkin dari sudut ekspo bergerak ke seluruh negara bagi menyokong kempen ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Papita, A Rahman Hassan, berkata pihaknya sudahpun menghantar memorandum cadangan itu kepada beberapa kementerian dan permintaan Perdana Menteri itu untuk satu memorandum yang baru akan dilaksanakan Papita.

"Kami akan menghantar memorandum yang khusus bagi Perdana Menteri dan berharap ia mendapat pertimbangan yang wajar dari kerajaan.

"Ini adalah penting bagi menjamin masa depan industri muzik supaya kepentingan karyawan seni muzik tanah air dapat dilindungi dengan lebih berkesan," katanya.

(END)